

# Hari Keluarga UMS-KAL berlangsung dengan meriah

UB 23/5/2011 B4

**S**ERAMAI 500 kakitangan telah memeriahkan Hari Keluarga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) ke-8 yang berlangsung di pantai hadapan universiti itu, Sabtu lalu.

Jumlah itu mewakili pegawai, pensyarah, kakitangan sokongan dan ahli keluarga yang menyertai pelbagai acara seawal jam 8 pagi termasuk senam robik, sukaneka kanak-kanak dan dewasa, sukan tradisional, karaoke dan sukan laut seperti jet ski, kayak dan banana boat.

Kakitangan yang menghadiri Hari Keluarga itu tidak pulang dengan tangan kosong apabila diberikan hadiah cabutan nama bertuah yang menarik hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk pembekal dan syarikat korporat yang menjalinkan hubungan dua hala dengan pihak universiti.

Antara hadiah itu termasuklah hamper, peralatan memasak dan barang elektrik seperti televisyen, peti ais, pendingin hawa, kipas siling dan mesin basuh.

Majlis perasmian penutupan Hari Keluarga disempurnakan oleh



(gambar kiri) **COMEL** ... Pertandingan bayi comel mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan dan ahli keluarga.



(gambar atas) **GEMBIRA** ... Kakitangan gembira menyertai acara sukan laut sempena Hari Keluarga.



(gambar atas) **TERIMA** ... Shariff (empat kanan) menerima cenderamata daripada Baharin diperhatikan dari kanan Ag Asri, Kamisah, Wan Azmona dan Lim.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ibrahim, Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Lim Kian Ping, Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin,



**CERGAS** ... Senamrobik disertai kakitangan dan ahli keluarga sempena Hari Keluarga UMS-KAL ke-8.

Pengerusi Kelab Suri Rumah dan Anggota Wanita, Wan Azmona Wan Mohamed dan Pengerusi Hari Keluarga ke-8, Baharin Entoh. Dalam ucapannya,

yang tidak dapat dielakkan selain kakitangan yang bertugas secara giliran.

Katanya, dalam melakukan tugas seharian, kakitangan perlu menjaga hubungan dengan majikan, sesama kakitangan, pentadbir dan pensyarah kerana sekiranya tidak mempunyai hubungan yang baik, adalah amat sukar untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam tugasan seperti amanah, kerjasama dan saling hormat-menghormati.

Beliau berkata, ketua jabatan perlu sentiasa mengambil berat kebijakan dan keupayaan supaya ianya tidak akan menjelaskan perancangan dan urusan yang bakal dilaksanakan.

"Menjalinkan hubungan yang baik dan saling memahami adalah aspek penting seperti yang terkandung dalam nilai

yang sepatutnya ada dalam setiap perkhidmatan awam," katanya.

Shariff berkata, dengan adanya Hari Keluarga, adalah diharapkan agar ianya dijadikan satu penanda aras sejauh mana penyertaan semua kakitangan dalam aktiviti yang dianjurkan universiti terutamanya yang melibatkan keluarga masing-masing agar pihak pengurusan mengetahui keselesaan kakitangan bekerja di universiti itu.

"Saya menyeru ahli keluarga agar sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada kakitangan supaya berusaha dengan gigih dan tekun dalam melaksanakan tugas harian untuk melahirkan sebuah pasukan dan keluarga yang harmoni serta ceria," katanya.



(gambar kanan) **MENANG** ... Ahli kumpulan Biru memenangi pertandingan menganyam ketupat.

(gambar kiri) **COMEL** ... Pertandingan bayi comel mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan dan ahli keluarga.